

## MENYENARAIKAN KEAMANAN DAN MENGUTAMAKANNYA DI DALAM AL MAQASID AL DHARURIYYAT

### LISTING SECURITY AND PRIORITIZE IT IN AL MAQASID AL DHARURIYYAT

Syarifah Nadirah Nasibah<sup>i</sup>, Azman Ab Rahman<sup>ii</sup> & Syed Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al Jafari<sup>iii</sup>

<sup>i</sup>Calon Ph.D Syariah dan Kehakiman (USIM)

semutku.9104@yahoo.com

<sup>ii</sup>Timbalan ngarah INFAD, International Fatwa and Halal Centre (iFFAH),

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Malaysia,

azman@usim.edu.my

<sup>iii</sup>Alumni PhD USIM, pensyarah bebas Singapura

Md\_Adib1@hotmail.com

#### Abstrak:

*Ilmu Maqasid Al Syariah adalah puncak di dalam pengajian fikh Islami. Ia diumpamakan seperti suara syarak yang memimpin ummat dalam mengharungi perubahan zaman dan menghadapi permasalahan baru. Agar apa yang diputuskan itu bertepatan dengan keredhaan Allah Taala dan Rasul-Nya. Dewasa ini isu-isu berkenaan keamanan menjadi tumpuan dan kebimbangan masyarakat dunia. Keamanan ekonomi, konflik persenjataan, sosial dan keharmonian agama antara perkara yang mendapat ruang utama di media masa. Di sini lahirnya keperluan untuk melihat kembali bagaimana Islam meletakkan keamanan di dalam ajarannya. Telah tiba masanya untuk mengapungkan keperihatinan Islam terhadap keamanan dan penjagaannya sebagai sebuah perkara Ad*

#### Abstract:

*The knowledge of Maqasid Al Shariah is the peak of Islamic Studies. It is like the sound of guidance that leads the people in the face of changing times and new problems. This is to ensure that decisions made are in accordance with the will of Allah Taala and His Messenger. Today, issues of peace have become the focus and concern of the entire world. Economic security, armed conflicts, social and religious harmony are the headlines among the major media outlets. It becomes very important to see how Islam preaches peace in its teaching. It is time to bring forth Islam's concern for peace and protection as a matter of Al Dharuriyy (necessity). Based on the security situation at the time this paper was written, it is time to review the need to prioritize peace over other Al Dharuriyyat matters. The author will*

*Dharuriyy. Berasaskan situasi kemanan semasa kertas kerja ini ditulis bagi meninjau keharusan mengutamakan keamanan ke atas perkara Ad Dharuriyy lain. Penulis akan meneliti ayat-ayat Al Quran di bawah tema keamanan, hadis-hadis berkaitannya dan contoh dari sejarah bagaimana Nabi SAW mementingkan keamanan. Hasil kajian mendapati keharusan menyenaraikan keamanan dalam maqasid Al Dharuriyy dan ia dapat mengatasi maqasid-maqasid Al Dharuriyy lain termasuk maqsad Hifz Al Din. Keamanan juga tergolong dalam maqasid Al Kulli Al Ammah.*

**Kata kunci:** Keamanan, Maqasid Al Syariah, Al Dharuriyyat.

*study the verses of the Quran under the theme of security, related hadiths and historical examples of how the Prophet (Peace and Blessings of Allah be upon him) gives importance to security. The results show that peace can be listed among other Maqasid Al Dharuriyyat and it can be place on the top of the others including hifz Al Din. Peace can be classified as maqasid Al Kulli Al Ammah.*

**Keywords:** Security, Maqasid Al Shariah, Al Dharuriyyat.

## 1- PENGERTIAN MAQASID AS SYARIAH:

Kata *Maqasid As Syariah* terdiri daripada dua kalimat iaitu (maqasid) dan (Syariah). Gabungan kedua kalimah ini dikenali dengan *Murakkab Idhafi*. Dengan itu kedua kalimah ini perlu diertikan secara berasingan dan secara tergabung.

### 1.1. Pengertian *Maqasid*:

Maqasid adalah kata banyak untuk maqsad. Perkataan ini mempunyai berbagai makna di dalam bahasa arab diantara makna tersebut (Al Zubaidi: 2012, Ibnu Manzur: 1999):

1- Jalan yang lurus dan keadilan. Firman Allah Taala dalam surah An Nahl ayat: 9:

﴿وَعَلَى اللَّهِ قَصْدُ السَّبِيلِ وَمِنْهَا جَائِرٌ . . .﴾

Maksudnya: “Dan hak bagi Allah menerangkan jalan yang lurus dan diantara jalan-jalan ada jalan yang bengkok . . .”.

2- Mendatangi sesuatu.

3- Menuju kepada sesuatu atau bangkit dan berazam untuk sesebuah perkara.

4- Bergantung dan mengharap kepada sesuatu.

5- Pertengahan. Seperti firman Allah Taala dalam surah Fathir ayat: 32:

﴿فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ﴾

Maksudnya: “Lalu diantara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan diantara mereka ada yang pertengahan”.

6- Mematahkan.

7- Dekat. Firman Allah Taala dalam surah At Taubah ayat: 42:

﴿لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا أَوْ سَفَرًا قَاصِدًا لَاتَّبَعُوكَ . . .﴾

Maksudnya: “Kalau yang kamu serukan kepada mereka itu keuntungan yang mudah diperolehi dan perjalanan yang tidak beberapa jauh , pastilah mereka mengikuti mu . . .”.

### 1.2. Pengertian Syariah:

Dari segi bahasa Syariah dapat diertikan dengan beberapa pengertian (Al Zubaidi: 2012, Ibnu Manzur: 1999):

- 1- Jalan yang lurus.
- 2- Membuat atau memintal tali.
- 3- Melakukan sesuatu.
- 4- Mengangkat sesuatu
- 5- Tempat terkumpulnya air untuk diminum dan dibuat bekal.

Dari sudut istilah pula Syariah bermaksud: “Hukum-hukum yang disyariatkan Allah Taala ke atas hamba-hamba-Nya melalui Al Quran atau As Sunnah sama ada sunnah perkataan, perbuatan atau pengakuan” (Zaidan: 2001). Ia dapat diertikan juga dengan: “Apa yang disuruh Allah Taala keatas hamba-hambaNya dari urusan akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan setiap sudut kehidupan yang berbagai bagi mengatur hubungan diantara manusia dnegan manusia, dan dengan Tuhan mereka untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat” (Al Qatthan: Tt).

### 1.3. Pengertian maqasid Syariah:

Para ulama salaf hanya menyebut maqasid Syariah itu adalah mencapai kemaslahatan dan menolak kerosakkan seperti mana Al Ghazali berkata: “Yang kami maksudkan dengan maslahat adalah menjaga tujuan syarak dan tujuan syarak dari penciptaan ini adalah lima: menjaga agama mereka, nyawa, akal, keturunan dan harta” (Al Ghazali: 2000). Para ulama masa kini pula mempunyai pengertian yang berbeza terhadap maqasid Syariah, namun kesemuanya seakan serupa.

1- Dr Saad Al Yubi mengatakan bahwa *Maqasid As Syariah* adalah: "Sebuah makna atau hikmah dan seumpamanya yang dipelihara oleh syarak dalam pensyariatan secara umum atau khusus bagi mencapai maslahat untuk hamba-hamba-Nya" (Al Yubi: 1998).

2- Dr Wahbah mengertikannya dengan: "Nilai-nilai dan tujuan syarak yang tersirat dalam segenap atau sebahagian besar hukum-hukumnya" (Al Zuhaili: 2004).

3- Berkata Al Fasi: "Dimaksudkan dari *maqasid Al Syariah* adalah tujuan darinya dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukum-hukumnya" (Al Fasi: 1993).

4- Ibnu Asyur menyebut bahawa *maqasid Al Syariah* adalah: "Hikmah, rahsia dan tujuan diturunkannya syariat secara umum dengan tanpa mengkhususkan daripadanya satu bidang tertentu" (Ibnu Asyur: 2001).

5- Menurut Al Raysuni pula, *maqasid Al Syariah* adalah: "Sebuah tujuan yang cuba dicapai oleh syarak demi memastikan kemaslahatan hamba-hamba-Nya" (Al Raysuni: 1999).

#### **4- MASLAHAT AL DHARURIYYAT DAN CARA PENJAGAANNYA:**

Setiap perundangan yang diletakkan syarak adalah untuk kemaslahatan manusia. Kemaslahatan yang hendak dicapai oleh syarak terbahagi kepada tiga peringkat (Al Syathibi: 2012, Ibrahim: 2014 & Al Raysuni: 2010):

##### 1- Al Maqasid Al Dharuriyyat:

Ia adalah sebuah maqasid yang diperlukan untuk mencapai kebaikan dunia dan akhirat. Pengabaianya akan membawa kepada kerosakan dalam pengurusan kehidupan dunia dan kehancuran di akhirat kelak.

##### 2- Al Maqasid Al Hajiyyat:

Ia adalah apa yang diperlukan manusia dalam kehidupan bagi menghilangkan kesusahan dan menghindari kesempitan dalam kehidupannya. Perkara ini jika tidak dilindungi dan dijaga, kehidupan seseorang manusia itu akan diselubungi dengan kepayahan dan dihimpit gangguan sama ada dalam lapangan keagamaan, kemasyarakatan, ekonomi dan sebagainya. Seperti keringanan bagi mereka yang sakit dan bermusafir, bertayammum menggantikan wuduk ketika ketiadaan air dan sebagainya.

Tujuan utama dari mencapai maqasid Al-Hajiyyat ini adalah menghilangkan kesusahan daripada manusia dan melindungi Al-Maqasid Al-Dharuriyyat.

##### 3- Al Maqasid Al Tahsiniyyat:

Ia adalah sebuah kehendak syarak dari sesebuah perundangan yang akan membawa kepada kesempurnaan kehidupan seseorang dan memperindahkannya. Kegagalan menjaga maqasid ini tidak akan membawa kepada kesusahan di dalam kehidupan. Seperti adab makan dan minum, menghiasi diri dan rumah dengan perhiasan dan kecantikan, menghilangkan perkara-perkara yang tidak menyenangkan seseorang dan seumpamanya.

#### **4.1. Maslahat *Al Dharuriyyat*:**

Kemaslahatan yang bertaraf *Al Dharuriyyat*, lalu perlu dijaga demi memastikan keberlangsungan kehidupan dunia dan kejayaan di akhirat berkisar dalam lima perkara: (Ibrahim: 2014, Institut Darul Ehsan: 2017 & Mokhtar: 2014):

##### 1- Agama:

Menjaga agama bermaksud melaksanakan segala tuntutan Islam selain menjauhkan segala yang bercanggah dengan nilai Islam. Begitu juga hendaklah dijaga kesucian agama Islam kerana menjaganya diperlukan bagi meraih keselamatan dunia dan akhirat.

##### 2- Nyawa:

Menjaga nyawa bermakna menjamin keselamatan nyawa dan diri seseorang dari dirosakkan begitu juga dalam meningkatkan kualiti kehidupan seseorang dari sudut jasmani dan kerohanian.

##### 3- Akal:

Memelihara akal bermaksud menjaganya dari perkara-perkara yang boleh merosakkannya dan menjaganya pembangunannya dan mengembangkannya dengan perkara-perkara yang dapat membina minda dan meningkatkan intelektual.

##### 4- Keturunan:

Menjaga keturunan adalah bagi memastikan keberlangsungan kehidupan manusia di atas muka bumi ini bagi menggalas tugas sebagai khalifah di atasnya dengan memastikan kelahiran berlaku melalui pernikahan yang diiktiraf syarak.

##### 5- Harta:

Menjaga harta bermaksud menanam, mengembangkan harta tersebut serta melindunginya daripada sebarang kerosakkan dan kehilangan.

#### **4.2. Cara menjaga perkara-perkara *Al Dharuriyyat* di sisi syarak:**

Di dalam menjaga kelima-lima perkara ini, syarak ada menyuruh dan menyeru kepada perlaksanaan sesebuah perbuatan yang akan mengukuhkan penjagaan

kelima-lima perkara ini, ia dikenali dengan (حفظ الضروريات من حيث الوجود). Syarak juga ada melarang beberapa perkara yang akan membawa kekurangan dan kelemahan dalam penjagaan kelima-lima perkara tersebut ia dikenali dengan (حفظ الضروريات من حيث العدم) (Al Syathibi: 2012 & Institut Darul Ehsan: 2017).

A) Contoh penjagaan agama:

Dari sudut mewujudkan seruan bagi pengukuhan agama adalah seperti berdakwah dan dari sudut pencegahan perkara yang akan melemahkan keutuhan agama pula syarak membentaras bidaah dan sebagainya.

B) Contoh penjagaan jiwa:

Penjagaan jiwa dengan menyuruh apa yang dapat menyelamatkannya boleh dilihat dalam suruhan memakan dan minum dari perkara yang baik, mencari penawar bagi penyakit dan seumpamanya. Dari sudut mencegah perkara yang dapat melemahkan penjagaan jiwa pula syarak melarang pembunuhan, menjerumuskan diri dalam kehancuran dan seumpamanya.

C) Contoh penjagaan akal:

Dari sudut mengadakan perkara yang boleh menyumbang kepada penjagaan dan pengekalan akal yang sihat, syarak menyuruh seseorang untuk sentiasa menimba ilmu dan sebagainya. Pada segi melarang perkara yang akan menggugat kesihatan akal syarak melarang perkara yang dapat merosakkannya seperti arak, dadah, dan seumpamanya.

D) Contoh penjagaan keturunan:

Syarak menyuruh seseorang itu bernikah, menggalakkan kelahiran, mentarbiyah anak-anak, menghiasi diri dengan sifat malu dan sebagainya supaya menjaga keturunan itu dapat direalisasikan dengan pensyariatan perkara-perkara seperti ini. Bagi menghalang keruntuhan tembok penjagaan keturunan ini pula syarak melarang menggugurkan janin, mencegah kehamilan, membenci mereka yang enggan berkahwin kerana ingin menyibukkan diri dengan beramal dan sebagainya.

E) Contoh penjagaan harta:

Harta itu dijaga oleh syarak dengan mewujudkan beberapa syariat yang dapat mengawal dan mengembangkannya seperti galakkan untuk berniaga, berkerja bersungguh-sungguh, pensyariatan hukum faraid, meneroka peluang pelaburan dan sebagainya. Begitu juga dicegah perkara yang dapat menghancurkan harta seseorang seperti riba, penipuan, pecah amanah, perjudian, memberikan harta kepada golongan yang tidak dapat mentadbirnya dan seumpama itu.

## 5- PENAMBAHAN LAPANGAN *AL DHARURIYYAT* DAN PENYUSUNAN TERTIBNYA:

### 5.1. Penambahan lapangan *Al Dharuriyyat*:

Menghadkan perkara *Al Dharuriyyat* kepada lima perkara sahaja menjadi sebuah medan perbincangan pada hari ini, apakah hanya harus dibatasi kepada lima perkara ini kerana ia telah dianggap sebagai ijmak atau ia hanya ijtihad para ulama silam ang boleh berubah.

Para ulama usul terdahulu secara umumnya hanya membataskan *maqasid Al Dharuriyyat* kepada lima perkara sahaja iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pembahagian perkara *Al Dharuriyyat* kepada lima perkara ini dimulakan oleh Imam Al Ghazali (2000) dan kemudiannya diikuti oleh para ulama setelahnya seperti Al Imam Al Razi (Tt), Al Amidi (2003), Al Syathibi (2012) dan lain dari mereka. Sehingga Imam Al Amidi dengan secara jelasnya menyebutkan bahawa perkara *Al Dharuriyyat* hanya lima perkara ini sahaja dan tidak ada perkara *Al Dharuriyyat* lain yang terkeluar daripadanya (Al Amidi: 2003). Golongan yang mengikuti Imam Al Ghazali juga berkeyakinan, jika dikatakan ada *Al Dharuriyyat* selain lima ini, maka ia boleh dimasukkan ke bawah salah satu *Al Dharuriyyat* yang lima itu atau hanya pelengkap sahaja atau sebagai cara untuk menjaga lima *Al Dharuriyyat* tersebut.

Ukuran yang diletakkan golongan ini untuk menganggap sesebuah perkara itu dari *Al Dharuriyyat* dalam kehidupan adalah apabila seseorang melanggarnya atau meninggalkan penjagaannya telah dikira sebagai pembuat dosa besar, seperti membunuh, murtad, berzina, meminum minuman keras dan sebagainya. Mereka juga meletakkan jika sesebuah perkara itu diancam dengan hukuman hudud, maka ia adalah petanda perkara tersebut daripada *Al Dharuriyyat* kehidupan. Seperti hukuman potong tangan untuk pencuri, sebat untuk peminum arak, rejam untuk mereka yang berzina dan hukuman bunuh sebagai balasan kepada pembunuh (Al Nafii: Tt). Kayu pengukur ketiga pula adalah hendaklah *Al Dharuriyyat* itu disepakati kewajipan penjagaannya oleh semua agama dan perundangan (Al Syathibi: 2012).

Sebahagian ulama pula berpendapat *Al Dharuriyyat* tidak terbatas kepada lima perkara diatas, ia boleh bertambah dengan hasil ijtihad-ijtihad yang baru (Al Mahasin: Tt). Sebagai contoh Imam Al Zarkasyi (1998), Al Syauckani (1937) dan Al Thufi (1987) telah menjadikan penjagaan maruah sebagai *Al Dharuriyyat* yang keenam, walaupun mereka juga menyebut perkara *Al Dharuriyyat* itu hanya lima sahaja. Ibnu Taimiyyah pula memasukkan tema menjaga keadilan kedalam *Al Dharuriyyat* (Ibnu Taimiyyah: 1987 & Al Nafii: Tt). Diantara perkara yang ditambah oleh para ulama keatas *Al Dharuriyyat* yang lima itu adalah kebebasan, hak-hak kemanusiaan, kesamarataan, kesatuan, keselamatan dan keamanan dan sebagainya (Al Nafii: Tt).

Bagi golongan ini yang menjadikan sesebuah perkara itu tergolong dalam *Al Dharuriyyat* adalah sifatnya yang akan menghancurkan kehidupan dunia atau akhirat jika ia diabaikan dan tidak dipenuhi. Seperti keadilan jika ia tidak dijaga maka akan berlaku kerosakan dalam kehidupan manusia dengan terjadinya penindasan, pembasmian etnik dan kezaliman, begitu juga yang akan berlaku dalam lapangan kekayaan dan harta, tanpa keadilan akan hancur sistem ekonomi sesebuah negara dan demikian yang akan berlaku pada setiap aspek kehidupan jika keadilan itu sudah tiada lagi. Perkara yang sama juga berlaku jika keselamatan dan keamanan itu telah hilang. Urusan agama tidak dapat dikembangkan, kehidupan manusia akan terancam, kadar perkahwinan dan kelahiran akan berkurangan disebabkan hilangnya jaminan keselamatan ekonomi dan seumpama itu, akal tidak dapat dipertingkatkan kemampuannya dan aktiviti perniagaan akan terganggu dengan ketiadaan keselamatan.

Oleh yang demikian penulis lebih cenderung mengatakan *Al Dharuriyyat* tidak terbatas kepada lima perkara sahaja, bahkan setiap yang dapat mengganggu dan menghilangkan masalah kehidupan boleh dikira sebagai perkara *Al Dharuriyyat*. Perkara *Al Dharuriyyat* baru ini tidak boleh lagi dijadikan sub-tema kepada lima perkara tersebut, ia perlu berdiri dengan sendirinya dan dinyatakan dengan jelasnya agar dapat diberikan perhatian selayaknya ketika keadaan zaman amat memerlukannya seperti keadilan dan keselamatan pada ketika ini.

## **5.2. Penyusunan tertib *Al Dharuriyyat*:**

Kepentingan penyusunan dan tertib perkara *Al Dharuriyyat* ini penting untuk mentarjihkan perkara *Al Dharuriyyat* mana hendak dikehadapkan jika terdapat pertembungan di antaranya di dalam sesebuah persoalan dan masalah. Penertiban ini akan membantu untuk memilih perkara *Al Dharuriyyat* mana yang hendak didahulukan dan diberikan perhatian yang lebih jika lebih diantara dua *Al Dharuriyyat* yang bertemu pada sesuatu ketika. Sepertimana jika kepentingan menjaga agama bertembung dengan kepentingan menjaga harta, atau kepentingan menjaga akal berada bersama dengan kepentingan menjaga jiwa, penyusunan ini akan digunakan sebagai garis panduan dalam pentarjihan.

Para ulama tidak bersepakat di dalam penyusunan *Al Dharuriyyat* yang lima itu (Jumaah: Tt & Al Mahasin: Tt). Bahkan ada yang meninggalkannya sama sekali seperti Al Razi yang pada satu ketika menyebutkan penyusunan *Al Dharuriyyat* sebagai berikut: Jiwa, harta, nasab, agama dan diakhirkan dengan akal. Pada ketika yang lain pula beliau mendahulukan menjaga jiwa, akal, agama, harta dan diakhirkan dengan nasab (Al Razi: Tt). Begitu juga dengan Al Bhaidawi (1999) yang mengkehadapkan jiwa, agama, akal, harta dan nasab, tetapi di tempat yang lain pula beliau

mendahulukan penjagaan agama, jiwa, akal, harta dan ditutupi dengan nasab (Al Bhaidawi: 1999).

Golongan kedua pula adalah golongan yang mengatur tingkatan *Al Dharuriyyat* ini, namun tidak menyatakan apakah susunan ini adalah susunan yang bersifat lazim perlu diikuti atau ia hanyalah sebuah susunan yang tidak mengikut tertib. Ulama yang berada dalam golongan ini seperti Al Ghazali (2000) dan Ibnu Qudamah (Tt) yang menyusun *Al Dharuriyyat* dengan diawali oleh penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Kedua-dua ulama ini tidak menyatakan secara jelas apakah susunan ini bersifat lazim dalam erti kata lain perlu mengutamakan yang terdahulu dari yang terkemudian apabila berlaku pertentangan atau ia hanya sekadar susunan yang tidak membawa sebarang kesan dalam pengaplikasian.

Golongan yang ketiga pula menjelaskan dengan nyata bahawa penyusunan dan tertib yang disebutkan mereka hendaklah dipatuhi dan ianya bersifat lazim. Antara ulama yang berada dalam golongan ini adalah Al Amidi (2003), Al Qarafi dan Al Syauckani (1937). Bagi Al Amidi susunan maqasid *Al Dharuriyyat* itu dimulai dengan menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Imam Al Qarafi (1995) pula berselisih dalam penyusunan ini apabila *Al Dharuriyyat* di sisinya bermula dengan penjagaan jiwa, agama, keturunan, akal dan harta. Golongan ini telah menjadikan penyusunan mereka berfungsi dalam melihat perkara *Al Dharuriyyat* mana yang hendak dipelihara terlebih dahulu jika berlaku percanggahan antaranya.

Pembentangan di atas menunjukkan ketiadaan kesepakatan di antara ulama dalam isu penyusunan perkara *Al Dharuriyyat*, ini secara langsung menafikan dakwaan bahawa telah ada ijma di dalam penyusunan ini berlandaskan penyusunan Imam Al Ghazali. Boleh dikatakan juga, para ulama dahulu tidak menerangkan dalil atau sandaran mereka di dalam membuat penyusunan yang dipilih oleh mereka. Kesimpulan yang terhasil dari dua perkara ini adalah, tertib dan penyusunan perkara *Al Dharuriyyat* adalah hasil ijtihad mereka dan boleh berubah dari masa kesemasa mengikut keperluan sesebuah tempat dan keadaan terlebih lagi jika ada *Al Dharuriyyat* baru yang dirasakan perlu ditambah keatas *Al Dharuriyyat* lima tersebut.

## **6- MENYENARAIKAN KEAMANAN BERSAMA AL DHARURIYYAT SERTAA MENGUTAMAKANNYA:**

### **6.1. Maqsad keamanan:**

Keamanan telah menjadi sebuah persoalan utama negara dan dunia. Dengan terjadinya peperangan-peperangan baru, ancaman keganasan, permasalahan senjata pemusnah, perhapusan kaum, penindasan dan kezaliman fizikal telah menjadikan isu keselamatan semakin meruncing dan memperlihatkan kepentingan untuk mencari penyelesaiannya dengan segera. Perbincangan mengenainya semakin hangat di

peringkat nasional dan antarabangsa. Isu keselamatan tidak hanya menyentuh keselamatan nyawa dan fizikal tetapi perlindungan keselamatan harta, perniagaan, hak-hak kemanusiaan dan selainnya juga telah melepasi garisan merisaukan dan bahaya.

Syariat Islam telah meletakkan keselamatan dan keamanan pada satu peringkat kepentingan tertinggi. Di dalam Al Quran Allah Taala membeicarakan tema keamanan sebanyak empat puluh lapan kali (Sulaihah: Tt). Bersebab ini penulis merasakan keperluan menjadikan keselamatan sebagai sebuah maqasid *Al Dharuriyy* yang berdiri sebaris dengan maqasid *Al Dharuriyyat* yang lain. Kepentingan keselamatan di dalam syariat Islam kelihatan di dalam beberapa perundangannya, bahkan bagi menunjukkan kepentingannya agama ini dinamakan dengan "Islam" yang membawa maksud keselamatan dan keamanan. Penganutnya pula digelar dengan "muslim". Sembahyang lima waktu itu ditutupi dengan lafaz salam sebagai tanda perisytiharan bahawa hubungan diantara seorang muslim dengan alam disekitarnya adalah berasaskan keamanan. Sabda Nabi s.a.w:

"ألا أخبركم بالمؤمن، المؤمن من أمنه الناس على أموالهم وأنفسهم والمسلم من سلم الناس من لسانه ويده والمجاهد من جاهد نفسه في طاعة الله، والمهاجر من هجر الخطايا والذنوب"

Maksudnya: "Hendakkah aku mengkhabarkan kepada mu tentang seorang mukmin, orang mukmin itu adalah orang yang manusia lain mempercayainya keatas harta-harta mereka dan diri-diri mereka, dan orang Islam itu adalah menyelamatkan manusia lain dari lidah dan tangannya dan seorang pejuang itu adalah yang memperjuangkan dirinya dalam mentaati Allah dan orang yang berhijrah itu adalah siapa yang meninggalkan kesalahan dan dosa" (Hadis. Ibnu Hibban. Kitab: Al Sair. Bab: Al Hijrah. #4862)

Demikian juga lafaz salam sebagai syiar Islam, ia adalah mendoakan kesejahteraan keatas orang lain. Menyebarkan salam menjadi hadis pertama yang diucapkan Nabi s.a.w ketika tiba di Madinah (Hadis. Al Termizi Kitab: Al Wara. #2485) . Demikian juga halnya ketika Baginda menawan kota Mekkah, Baginda menginginkan perdamaian dan kesejahteraan sehingga Baginda menawarkan keselamatan bagi sesiapa yang memasuki masjidil Haram, memasuki rumahnya sendiri atau rumah Abu Sufyan (Al Halabi: 2008, Ibnu Hisyam: 1996). Nabi SAW juga akan cuba sedaya upaya untuk menghindari peperangan walaupun telah berada pada medan pertempuran. Selama sepuluh tahun di Madinah Baginda telah menggerakkan lapan puluh dua gerakan ketenteraan, enam puluh darinya dapat dihindarkan terjadinya pertumpahan darah (Jumaah: Tt).

Dalam mengecapi keselamatan Nabi SAW tidak memandang kepada kulit, bangsa dan agama. Ini dapat dilihat apabila Baginda menyuruh para sahabat untuk berhijrah ke Habsyah pada tahun kelima kenabian, kerana di negeri Habsyah itu mereka akan mendapatkan keselamatan dan keamanan. Sabda Nabi SAW: “Keluarlah kamu menuju ke Habsyah, kerana di dalamnya seorang raja yang tidak menzalimi sesiapa” (Al Halabi: 2008). Apabila Nabi SAW telah berhijrah ke Madinah, para sahabat yang berada di Habsyah tidak bergegas pulang ke Madinah (Jumaah: 2013) dengan alasan untuk bergabung dengan Nabi dan para sahabat lain atau hendak bernaung di bawah pemerintahan Islam. Baginda hanya memanggil mereka pulang ke Madinah setelah kestabilan dan keamanan telah dapat dikawal di Madinah. Baginda mengutus Amru bin Umayyah Al Dhamiri meminta raja Najasyi menghantar kaum muslimin di Habsyah ke Madinah. Mereka tiba di Madinah pada tahun ketujuh hijrah (Al Mubarakafuri: 1998). Kisah ini menunjukkan Islam mendahulukan keamanan dan mementingkannya tanpa mengira di mana ia berada.

Nabi SAW juga enggan membunuh golongan munafik dan menghukum mereka yang memfitnah Saidatina Aisyah demi menjaga keamanan dan kestabilan negara. Baginda juga meyakini bahawa keselamatan itu adalah milik setiap manusia dan ia adalah hak mereka. Merujuk kepada perkara ini Baginda bersabda:

"من قتل معاهدا لم يرح رائحة الجنة، وإن ريحها توجد من مسيرة أربعين عاما"

Maksudnya: “Barangsiapa yang membunuh orang kafir yang telah diberikan keamanan tidak akan mencium haruman syurga, sesungguhnya haruman syurga itu dapat dihidu sejauh perjalanan empat puluh tahun” (Hadis. Al Bukhari. Kitab: Jizyah. Bab: Siapa yang membunuh kafir yang telah diberi keamanan tanpa kesalahan. #3166). Sabda Nabi SAW lagi:

"ألا من ظلم معاهدا أو انتقصه أو كلفه فوق طاقته أو أخذ منه شيئا بغير طيب نفسه فأنا حجيجه يوم القيامة"

Maksudnya: “Sesiapa yang menzalimi seorang kafir yang telah diberi keamanan atau mengurangi haknya atau memberatkannya dengan pekerjaan di luar kemampuannya atau mengambil sesuatu darinya tanpa keredhaannya maka aku memusuhinya di hari kiamat” (Hadis. Abu Daud. Kitab: Al Kharajj. Bab: Bergaul dengan ahli *zimmah* jika mereka datang dengan perniagaan. #3052).

Sebelum hadis-hadis diatas terlebih dahulu Allah Taala telah menekankan kepentingan keamaan dan keselamatan di dalam Al Quran. Di dalam surah Al Quraisy Allah Taala menegaskan bahawa keamanan itu adalah antara nikmat yang terbesar dikurniakannya kepada kepada kaum Quraisy.

﴿فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَآمَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ﴾

Maksudnya: “Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan pemilik rumah ini. Yang telah memberi makanan kepada mereka untuk menghilangkan kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan”.

Demikian juga di dalam surah Al Baqarah ayat- 155, Allah Taala menyatakan ujian terhadap keamanan dan keselamatan adalah sebuah ujian yang besar dengan menyebutnya terlebih dahulu dari bentuk ujian yang lain.

﴿وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ﴾

Maksudnya: “Dan sungguh Kami akan berikan ujian kepada kamu sekalian , dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan, dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar”.

Dalam surah An Nisa pada ayat ke: Sembilan puluh, Allah Taala menjelaskan bahawa keamanan dan keselamatan awam hendaklah diutamakan kerana ia adalah asas perhubungan diantara kaum:

﴿فَإِنِ اعْتَرَفْتُمُوهُمْ فَامْسِكُوا إِلَيْهِمْ سَلَامًا﴾

Maksudnya: “Dan jika mereka membiarkan kamu dan tidak memerangi kamu serta mengemukakan perdamaian kepada mu, maka Allah tidak memberi jalan bagi mu untuk menawan dan membunuh mereka”.

Pada surah Al Anfal ayat ke: enam puluh satu pula Allah Taala menguatkan lagi suruhan supaya mengutamakan perdamaian dengan mereka yang memerangi kamu jika terlihat tanda-tanda cenderongnya mereka kepada perdamaian

﴿وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾

Maksudnya: “Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Dialah yang Maha mendengar lagi Maha mengetahui”.

Allah Taala juga menjadikan Makkah sebagai sebuah negeri yang aman dan memuji keamannya agar para Jemaah haji dan umrah dapat beribadah dengan tenang di dalamnya. Firman Allah Taala dan surah Al Ankabut ayat-67:

﴿أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا آمِنًا وَيَتَخَطَّفُ النَّاسُ مِنْ حَوْلِهِمْ أَفَبِالْبُطْلِ يُؤْمِنُونَ وَبِعِمَّةِ اللَّهِ يَكْفُرُونَ﴾

Maksudnya: “dan apakah mereka tidak memerhatikan bahawa sesungguhnya Kami telah menjadikan tanah suci itu aman, sedangkan manusia disekitarnya rompak-merompak, maka mengapa mereka masih percaya kepada yang bathil dan mengingkari perintah Allah”.

Kesimpulannya maksud Islam itu sendiri keamanan, keselamatan dan kesejahteraan. Agama mulia ini memberatkan persoalan keselamatan dengan menjadikannya keutamaan dan milik setiap manusia. Islam menyuruh mengelakkan persengketaan dan peperangan seberapa mampu. Jika peperangan terpaksa diharungi, hendaklah dengan cepat mencari perdamaian dan membina kembali hubungan persaudaraan. Meletakkan keamanan dan keselamatan sebagai maqasid *Al Dharuriy* tidak dapat dinafikan lagi dan membumikan maqasid ini adalah satu keperluan dan kemestian di zaman ini.

Lagi pula menyenaraikan *Maqsad Hifz Al Amni Al Ammah* sebagai salah satu dari *Al Dharuriyy*, amat bertepatan dengan manhaj salaf dalam pemilihan perkara-perkara *Al Dharuriyyat*. Mereka berkeyakinan bahwa setiap perkara apabila ditinggalkan atau ketika dicerobohi akan mendatangkan dosa besar dan hukuman hudud adalah sebahagian daripada *Al Dharuriyy* (Al Nafii: Tt). Mengganggu keamanan dan mencerobohnya adalah dari dosa besar dan dapat dihukum dengan hukuman pemberontakkan.

Imam Al Syatibi pula berpendapat bahawa sesebuah perkara itu wajar disenaraikan sebagai *Al Dharuriyyat*, apabila ketiadaannya akan menghancurkan kehidupan dunia dan akhirat begitu juga ia hendaklah sebuah perkara yang disepakati oleh kesemua agama dalam menjaganya (Al Syathibi: 2012). Kehilangan keamanan bererti kehancuran dan pengabaian segala aspek *Al Dharuriyyat*. Bagaimana dapat dijaga, dikembangkan dan ditingkatkan kualiti *Hifz Al Din, Al Nafs, Al Aql, Al Maal* dan *Al Nasl* jika keamanan umum terancam.

## **6.2. Maksud dari kata agama (*Al Din*) dalam *Maqasid Al Syariah*:**

Di dalam usaha untuk memahami sesebuah makna dari perkataan yang terdapat di dalam Al Quran, seseorang itu perlu melihat kepada kesemua cara Al Quran menggunakan perkataan itu agar dapat melihat setiap makna yang dibawa oleh perkataan tersebut. Kata *Al Din* digunakan sebanyak sembilan puluh kali di dalam Al Quran dengan cara penggunaan berbeza yang membawa kepada makna yang berlainan antara satu dengan yang lain (Qalul: 2008 & Al Nawari: 2016) Antara makna yang dibawa dalam penggunaan perkataan *Al Din* di dalam ayat Al Quran adalah:

1- Perhitungan dan pembalasan amalan (Al Nasafi: 2008). Seperti firman Allah Taala dalam surah Al Fatihah ayat ke:4:

﴿مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ﴾

Maksudnya: “Yang menguasai hari pembalasan”. Demikian juga di dalam surah Al Dzariyyat ayat yang ke:6:

﴿وَإِنَّ الدِّينَ لَوَاقِعٌ﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya hari pembalasan pasti terjadi”.

2- Akidah dan kepercayaan (Al Nasafi: 2008). Seperti firman Allah Taala dalam surah Al Baqarah ayat ke: 256:

﴿لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ﴾

Maksudnya: “Tiada paksaan di dalam beragama” iaitu di dalam menganuti kepercayaan.

3- Kitab Samawi (Al Baghawi: 2002). Firman Allah Taala di dalam surah An Nisa ayat ke: 46:

﴿مِنَ الَّذِينَ هَادُوا يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَن مَّوَاضِعِهِ وَيَقُولُونَ سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَاسْمِعْ غَيْرَ مُسْمِعٍ وَرَاعِنَا لَيَّا بِاللِّسَانِ وَأَنَّا بِمَا نَدْعُنَا  
فِي الدِّينِ . . .﴾

Maksudnya: “Diantara orang-orang Yahudi, mereka yang merubah perkataan dari tempat-tempatnya, mereka berkata: “Kami mendengar tetapi kami tidak mahu menurutinya”, dan mereka mengatakan pula: “Dengarlah”, sedangkan kamu sebenarnya tidak mendengari apa-apa, dan mereka mengatakan “*Rai’na*” (perhatikanlah kami) dengan memutar-mutar lidahnya dan mencela agama . . .” kata *Al Din* di sini bermaksud kitab samawai, ia juga ditafsirkan dengan Nabi Muhammad SAW (Al Nasafi: 2008).

4- Cara kehidupan (Al Qurthubi: Tt). Seperti firman Allah Taala di dalam surah Aal Imran ayat ke: 19:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ . . .﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya agama yang diredhai disisi Allah hanyalah Islam . . .”. maksud dari kata agama ini adalah cara kehidupan.

5- Ibadah (Al Baghawi: 2002). Maksud ini terdapat dalam firman Allah Taala di dalam surah Al Baiyinah ayat: 5:

﴿وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ﴾

Maksudnya: “Dia telah memilih kamu, dan Dia sesekali tidak menjadikan bagi kamu kesempitan di dalam agama . . .”. Dimaksudkan dari kata agama di sini adalah ibadah yang disyariatkan di dalamnya serta perundangannya. Begitu juga firmanNya di dalam surah Al Zumar ayat ke: 3 (Al Shabuni: 1997):

﴿أَلَا لِلَّهِ الدِّينَ الخَالِصَ وَالدِّينَ أَخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَى﴾

Maksudnya: “Ingatlah hanya bagi Allah agama yang bersih, dan orang-orang yang mengambil pelindung selain Allah berkata: “Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah sedekat-dekatnya . . .”. makna dari kata agama di sini adalah ibadah.

Diantara kebiasaan penggunaan perkataan *Al Din* yang merujuk kepada ibadah adalah beriringannya ia dengan perkataan keikhlasan.

6- Perundangan (Al Baghawi: 2002). Seperti dalam surah Yusuf ayat: 76:

﴿كَذَلِكَ كِدْنَا لِيُوسُفَ مَا كَانَ لِيَأْخُذَ أَخَاهُ فِي دِينِ الْمَلِكِ . . .﴾

Maksudnya: “Demikianlah Kami atur untuk Yusuf, tidaklah patut Yusuf menghukum saudaranya menurut undang-undang raja . . .”

7- Ketaatan dan keikhlasan (Al Baghawi: 2002), seperti dalam surah Al Nahl ayat: 52:

﴿وَلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَهُ الدِّينُ وَاصِبًا أَفَغَيْرَ اللَّهِ تَتَّقُونَ﴾

Maksudnya: “Dan kepunyaan Dialah apa yang ada di langit dan bumi, dan untuk Dialah ketaatan itu selama-lamanya, maka mengapa kamu bertakwa kepada selain Allah?”

Terdapat makna-makna lain yang dibawa oleh perkataan *Al Din* sepertimana yang ditunjukkan oleh Al Quran dari penggunaannya terhadap perkataan ini. Namun bagi penulis cukuplah apa yang telah diketengahkan bagi membuktikan bahawa kata ini tidak hanya merujuk kepada akidah dan agama.

Oleh kerana terdapat pelbagai makna yang dibawa oleh kata *Al Din*, penulis memilih maknanya yang bermaksud ibadah, ketaatan dan perundangan untuk diaplikasikan ke dalam *Hifz Al Din* di dalam maqasid As Syariah. Dengan itu maksud menjaga agama adalah menjaga perundangannya, ibadah yang disyariatkan di dalamnya serta taat di dalam menjalankan suruhannya yang bersifat amali iaitu yang bersangkutan dengan hukum hakam fikh.

Adapun *Al Din* yang bermaksud agama atau akidah, maka ia adalah yang menyuruh menjaga kelima-lima perkara *Al Dharuriyyat* tersebut. Bermakna menjaga akidah atau agama terangkum di bawahnya menjaga *Al Dharuriyyat* yang lima itu. Jika yang dimaksudkan dari kata *Al Din* itu adalah akidah dan agama, sudah pasti tidak akan berlaku perselisihan di dalam mendahulukannya sama sekali. Bagaimana perkara itu mungkin sedangkan kita disuruh mengorbankan diri dan harta dalam menjaga agama.

Mengertikan *Al Din* dengan ibadah dan ketaatan telah membawa sebahagian fuqaha terdahulu mahupun hari ini mendahulukan aspek penjagaan nyawa atau akal keatas penjagaan *Al Din* yang bermaksud ibadah (Jumaah: Tt).

### **6.3 Mengutamakan keselamatan dan kestabilan di dalam *Maqasid Al Dharuriyy*:**

Pembentangan diatas menunjukkan para salaf tidak bersepakat di dalam penertiban perkara-perkara *Al Dharuriyy*. Demikian pula mereka berselisih dalam menghitung cabang-cabang *Al Dharuriyy*, walaupun hampir terjadi kesepakatan ianya terbatas kepada lima perkara sahaja. Perselisihan penyenaaraian perkara *Al Dharuriyy* semakin mleuas dengan penambahan yang dilakukan oleh beberapa tokoh ulama masa kini. Bagi penulis susunan perkara *Al Dharuriyy* dan angkanya perlu disesuaikan dengan keperluan zaman dan bersangkutan dengan suasana keadaan persekitaran.

Memandangkan isu keamanan dan kestabilan mendapata perhatian dan sorotan utama pada hari ini, begitu juga dengan masalah keganasan dan peperangan yang berlaku di sana sini, adalah amat penting dan selayaknya digabungkan kepada lima perkara *Ad Dharuriyy* tersebut *Maqsad Hifz Al Amni Al Ammah* (مقصد حفظ الأمن العامة).

Bukan sahaja *Hifz Al Amni Al Ammah* perlu digabungkan ke dalam perkara-perkara *Al Dharuriyy*, tetapi ia perlu diutamakan keatas perkara-perkara *Al Dharuriyy* yang lain.

Sejarah telah membuktikan bahawa keutamaan Nabi s.a.w adalah mewujudkan suasana aman dan stabil. Dengannya sahaja dakwah dapat dijalankan dan ibadah dapat disempurnakan. Bersebab itu Nabi menyuruh para sahabat meninggalkan Mekkah menuju ke Habsyah agar mereka dapat beribadah dengan tenang di sana. Kemudiannya disuruh pula berhijrah ke Madinah dan diusulkan piagam Madinah demi menjamin keamanan negara. Piagam Madinah itu menyebutkan beberapa perkara yang mana dengannya diharap dapat menjamin kestabilan dan keamanan seperti hak bersama dan seumpamanya (Al Mubarakafuri: 1998).

Nabi s.a.w juga melarang mereka yang disiksa di Mekkah untuk melawan dan membunuh orang yang menyiksa mereka, bahkan digalakkan mereka supaya bersabar (Al Sarjani: 2010). Saidina Khabbab bin Art pernah meminta pertolongan dari Baginda ketika beliau di azab di Mekkah, Nabi SAW menasihatinya dengan memberikan perumpamaan bagaimana ummat terdahulu diazab dalam mempertahankan agama mereka (Ibnu Al Atsir: Tt) dengan sabda Baginda: "Sesungguhnya sebelum kamu terdapat seorang lelaki yang ditanam kemudian diletakkan gergaji di atas kepalanya, perkara iu tidak menjadikannya meninggalkan agamanya. Terdapat juga mereka yang disikat dengan sikat dari besi sehingga mencapai apa ang berada di belakang daging dari tulang dan urat, ia tidak menjadikannya meninggalkan agamanya. Allah akan menyempurnakan urusan ini sehingga seseorang itu dapat berjalan dari Sanaa' ke Hadramaut tidak takut kecuali

Allah dan serigala ke atas kambing-kambingnya, akan tetapi kamu sebuah kaum yang tergopoh gapah” (Hadis. Al Bukhari. Kitab: Al Manaqib. #3612).

Baginda juga melarang kaum Ansar dari memerangi penduduk Makkah setelah mana mereka berjanji setia kepada Nabi SAW di dalam perjanjian A'qabah (Ibnu Hisyam: 1996) demi keamanan. Disamping beberapa peperangan yang dapat dihindarkan Nabi s.a.w, walaupun peperangan itu bertujuan meninggikan dakwah Islamiyyah.

Hukum-hukum fikih juga dilihat akan mendahulukan kestabilan keamanan dari perkara *Al Dharuriyy* yang lain. Sebagai contoh pemberontak akan dihukum bunuh demi menjaga keamanan negara berbanding nyawa pemberontak tersebut. Demikian juga disyariatkan memotong tangan pencuri agar ia dapat menjadi gertakkan dan amaran pada yang lain demi menjaga keamanan sosial. Keutamaan menjaga keamanan keatas menjaga agama yang berbentuk ritual peribadatan dapat dilihat apabila syarak melarang seseorang itu menunaikan rukun Islam kelima jika tidak terdapat keamanan di dalam perjalanan. Perlaksanaan sembahyang berjamaah dan Jumaat juga boleh dikompromi kerana masalah keamanan. Kutipan zakat pula dapat diberikan kepada golongan bukan Islam yang ditakuti kejahatannya dari asnaf *Muallaf*, ini menunjukkan menjaga keamanan adalah lebih didahulukan keatas menjaga harta.

Oleh yang demikian penulis berpendapat menjaga keamanan umum di sesebuah negara perlu diperkasakan dan dianggap sebagai salah satu daripada perkara *Al Dharuriyy* yang perlu dititik beratkan dan didahulukan.

## **7- CARA MEMPROMOSIKAN DAN MENJAGA KEAMANAN DALAM MASYARAKAT BERBILANG BANGSA DAN AGAMA:**

Di dalam mempromosikan keamanan dan keharmonian antara agama dan kaum di dalam sesebuah masyarakat majmuk, penulis mencadangkan beberapa perkara yang perlu dilakukan (حفظ المقصد من حيث الوجود) dan perkara yang perlu ditegah dan dihindarkan (حفظ المقصد من حيث العدم). Diantara perkara yang perlu dilaksanakan bagi mencapai *Maqsad* Menjaga keamanan umum:

A) Mewujudkan suasana tolong menolong diantara agama dan kaum.

Tolong menolong atau bekerjasama adalah sebuah adunan yang dimestikan dalam usaha mempertingkatkan keamanan dan menjayakan keharmonian di dalam sesebuah negara yang mempunyai masyarkat berbilang bangsa dan agama. Ia adalah sebuah nilai yang diperlukan untuk mengecapi kestabilan negara. Islam sangat menitik beratkan amalan tolong menolong dan sifat bekerjasama, firman Allah Taala dalam surah Al Maidah ayat ke-2:

## ﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى﴾

Maksudnya: “Dan tolong menolonglah kamu diatas perbuatan kebaikan dan takwa”.

Nabi s.a.w pula bersabda: “Sesungguhnya Allah Taala sentiasa menolong hamba-Nya selagimana hamba-Nya itu menolong saudaranya” (Hadis. Abu Daud. Kitab: Al Adab. Bab: Menolong saudara muslim. #4946). Allah Taala juga menyifatkan mereka yang tidak mahu menghulurkan bantuan sebagai pendusta agama (Al Qurthubi: Tt) dan mengancam golongan ini dengan kecelakaan serta menyamakan mereka dengan golongan yang melalaikan sembahyang di dalam surah *Al Maun*.

Lapangan kerjasama yang boleh diusahakan supaya mencapai tujuan kerjasama antara kaum adalah (Zarum: 2017):

1- Kerjasama dalam meraih kebaikan dan kemaslahatan serta menolak keburukkan dan kemudharatan: seperti membina sekolah, taman, pusat penjagaan anak yatim, orang tua dan kurang upaya. Setiap permasalahan sesebuah bangsa hendaklah dianggap sebagai masalah nasional dan bukan lagi masalah untuk kaum tersebut. Jangan lagi disebutkan masalah dadah ada masalah bangsa melayu, judi masalah bangsa cina dan gangsterisme adalah masalah kaum india sebagai contoh. Setiap masalah bangsa adalah masalah bagi semua bangsa dan mereka haruslah menggembeling tenaga, menyumbngkan fikiran dan mengumpul dana secara bersama untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

2- Kerjasama dalam menegakkan keadilan dan kesamarataan:

keadilan dan kesamarataan diantara kaum perlu diwujudkan bagi menggalakkan keamanan dan menghindari perasaan ketidak puasan yang bakal membawa kepada kekecohan di dalam masyarakat. Nabi s.a.w bersabda: “Bantulah saudara kamu yang berbuat zalim dan yang dizalimi” (Hadis. Al Bukhari. Kitab: Al Mazalim. Bab: Tolonglah saudara kamu yang zalim dan dizalimi. #2443). Hadis ini merangkumi setiap mereka yang dizalimi di dalam masyarakat tanpa mengira latar belakang mereka.

Kemudian sifat kesamarataan dalam peluang pekerjaan, perjawatan dan tempat di institusi pengajian haruslah dititik beratkan dan hendaklah bedasarkan kebolehan dan kemampuannya dan bukan atas dasar perkauman. Ini tidak menafikan keharusan pengambilan seseorang berdasarkan kaum dan bangsa dengan tujuan penggalakkan dan pendedahan jika didapati bangsa tertentu itu mempunyai kelemahan di dalam bidang tersebut. Perkara ini dilakukan atas dasar budi bicara, tolak ansur dan pengecualian.

3- Kerjasama dalam menangani isu keselamatan:

Menangani keselamatan dan memastikannya bukan sahaja tanggungjawab sesebuah kerajaan atau polis. Bahkan bagi menjamin keselamatan negara setiap anggota individu masyarakat harus memainkan peranan mereka mengikut kapatiti masing-masing. Contohnya ketika mana kerajaan Habsyah hendak digulingkan, Saidina Jaafar bin Abi Thalib dan beberapa orang Islam lain turut serta dalam peperangan untuk mempertahankan kedaulatan kerajaan Habsyah (Al Sarakhsi: Tt & Al Balazri: 1996) walau ia adalah sebuah kerajaan Nasrani (Al Mustafa: 2014, Jumaah: 2013). Orang-orang Islam disana turut bersedih dengan keadaan ini dan mereka berdoa kepada Allah Taala agar tentera Najasyi mendapat kemenangan serta bergembira ketika mengetahui pemberontakan dapat ditundukkan (Al Zahabi: 2003). Ini menunjukkan masyarakat Islam hendaklah bersama-sama dalam mempertahankan keamanan negeri dan berdoa untuk itu.

#### 4- Kerjasama dalam menghadapi bencana dan kemalangan:

Dalam masa-masa darurat dan kejadian kemalangan hendaklah setiap penganut agama menawarkan diri dan saling membantu dalam menghadapinya tanpa mengira latar belakang sosial. Sehendaknya juga setiap kelompok di dalam masyarakat berkerjasama dan berbincang ke arah mengembalikan kemakmuran dan keselamatan ke tahap yang lebih baik.

#### B) Memupuk rasa hormat dan bertolak ansur di antara agama dan bangsa:

Keamana dan keharmonian di dalam sesebuah masyarakat akan hancur jika ia tidak disokong oleh sifat saling menghormati dan bertolak ansur. Atass dasar ini Islam membenarkan kebebasan beragama, mengizinkan penganut agama lain hidup bersama masyarakat muslim. Islam juga melarang segala bentuk provokasi yang dapat menimbulkan ketegangan antara agama dan menghilangkan rasa hormat diantara kaum, firman Allah Taala dalam surah Al Anam ayat-108:

﴿وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana nanti mereka akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa sebarang pengetahuan”.

Contoh tolak ansur terbaik yang disaksikan sejarah dunia demi keamanan manusia adalah kesediaan Nabi s.a.w menyetujui perjanjian Hudaibiyah yang secara terang-terangan tidak adil dan lebih memihak kepada kaum Quraisy Makkah. Perjanjian ini tidak disetujui oleh para sabahat, namun demi keamanan serantau Baginda menyetujuinya untuk mengembalikan suasana aman dan tenteram di dalam jazirah arab. Dengan keamanan yang dikecapi ini, dakwah Islam semakin meluas, semakin ramai orang memeluk Islam, bertambah pengaruhnya dan nyawa-nyawa manusia

dapat diselamatkan, terutama golongan kaum muslimin yang lemah di Mekkah begitu juga harta dapat dijaga dan dikembangkan (Al Masyath: 2006 & Al Mubarakafuri: 1998). Fakta ini menunjukkan kepentingan tolak ansur di dalam membina keamanan yang kemudiannya dapat memberikan pulangan yang tidak ternilai.

Terkadang amalan agama seseorang individu itu mendatangkan ketidak selesaian kepada mereka yang berada disekitarnya atau menimbulkan salah faham. Ketika ini sifat tolak ansur amat memainkan peranan penting bagi mengelakkan pertelingkahan. Kemudian permasalahan sebegini hendaklah diselesaikan dengan hemah dan perbincangan. Perlu diakur bukan semua individu di dalam masyarakat peka akan sensitiviti agama dan bangsa lain.

### C) Mengeratkan perpaduan sosial:

Hubungan antara agama yang kukuh merupakan asas dan kunci kepada keharmonian dalam kehidupan berbilang bangsa dan agama. Islam mengiktiraf perkara tersebut amat diperlukan bagi membina, menjaga dan mengekalkan sesebuah keamanan dalam kehidupan. Oleh itu ia mengajak penganutnya kepada perluasan jaringan pengenalan dan pengetahuan multi-budaya tanpa batas agama dan bangsa. Firman Allah Taala dalam surah Al Hujurat ayat ke-13:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ﴾

Maksudnya: “Wahai manusia sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal, sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu, sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha mengenal”.

Dengan mengenali budaya kaum dan amalan agama yang berlainan diharap ia dapat membina perpaduan dan kesatuan masyarakat. Pengenalan ini akan menghasilkan keupayaan untuk memberi ruang kepada satu sama lain untuk mengamalkan agama masing-masing, dan berbuat demikian dengan cara yang penuh hormat dan sensitif. Menggalak dialog dan perjumpaan diantara agama juga dapat membantu di dalam memupuk perpaduan sosial ini, disamping menggariskan nilai-nilai mulia yang dikongsi bersama.

Dalam masa yang sama juga ini adalah peluang untuk memperkenalkan agama Islam dan menyebarkannya secara berhemah dan berhikmah dengan mengambil kira isu-isu sensitif dan tidak menyentuh mana-mana amalan agama lain dengan kehinaan atau perlecehkannya atau menimbulkan perasaan buruk sangka terhadap

kepercayaan lain. Demikianlah cara dakwah Nabi s.a.w yang mana kebanyakan manusia memeluk agama mulia ini kerana akhlak yang ditunjukkan serta kebaikan dan keindahan agama yang dizahirkan, bukannya dengan menghina atau perlecehkan agama lain kecuali ketika mempertahankan kesucian agama Islam apabila ianya dihina.

Manakala perkara yang perlu dicantas dan dihindari (حفظ المقصد من حيث العدم) dalam menjaga keamanan adalah:

#### A) Sifat perkauman dan Islamphobia:

Perkauman adalah sebuah taksuf yang dapat menghancurkan keharmonian sesebuah kaum. Dikisahkan demikian Nabi s.a.w mengambil tindakan yang pantas apabila mengetahui api perkauman mula dinyalakan di Madinah. Iaitu ketika berkelahi dua orang lelaki seorang dari kaum Muhajirin dan seorang dari kaum Ansar, lalu masing-masing meminta pertolongan dari kaum mereka, maka Nabi lantas keluar dan bersabda: "Apakah kamu mengungkapkan ungkapan Jahiliyyah sedangkan aku berada diantara kamu". Baginda juga bersabda: "Bukan dari kalangan ku mereka yang mengajak kepada taksuf, berperang kerana taksuf atau siapa yang mati kerana taksuf". Pada kesempatan yang lain Baginda menggelar sifat perkauman ini sebagai sesuatu yang keji dan jijik.

Bagi mengekang perkembangan yang tidak sihat di dalam hal ini perlu digubal sebuah undang-undang yang dapat mendakwa mereka yang mencemarkan keharmonian kaum dan mencetuskan sifat perkauman di mahkamah. Undang-undang yang digubal itu diantara lain menegahkan kenyataan-kenyataan yang menghasut, menimbulkan permusuhan, provokasi, kesilapan faham dan menggunakan agama untuk kepentingan sendiri atau menjatuhkan reputasi agama lain.

Demikian juga perlu dihalang menyemarakkan dan penyebaran Islamofobia yang didapati semakin meningkat kadarnya di beberapa negara seperti Singapura (Shanmugam: 2019). Islamofobia merujuk kepada prasangka dan diskriminasi pada Islam dan Muslim dalam lapangan ekonomi, pengajian, politik dan sebagainya. Ia juga boleh diertikan dengan rasa takut dan benci terhadap Islam. Media masa memainkan peranan utama dalam menghakis sifat ini. Bagaimana sesebuah bangsa dan penganut agama boleh bersangka baik dengan pihak lain sedangkan golongan mereka sendiri dipandang dengan sinis dan mencurigakan.

Selain itu ummat Islam juga perlu menunjukkan gambaran yang indah bagi ajaran Islam. Perkara ini boleh dilakukan dengan sering melibatkan diri dalam kerja-kerja kemasyarakatan secara kerap, menyokong usaha-usaha nasional dan terlebih penting

menunjukkan akhlak yang terpuji sebagaimana yang ditunjukkan Baginda Nabi SAW. Jika diperhatikan di dalam sejarah kebanyakan mereka memeluk Islam adalah kerana melihat akhlak Baginda itu sendiri dan juga para sahabat setelah mereka ditakut-takutkan dengan perkhabaran dari musuh-musuh Islam bahawa ajaran Islam membawa kepada perpecahan dan Nabi Muhammad adalah seorang yang tidak siuman, tukang sihir dan sebagainya.

## 8- PENUTUP:

Sejumlah ayat-ayat Al Quran didapat menyentuh tema keamanan dalam mempromosikannya, menjaganya dan berusaha kearahnya disamping mengiktirafnya sebahagian dari nikmat yang besar. Sejarah Nabi SAW juga tidak terlepas dari memperkasakan keperluan keamanan dan menunjukkan keutamaannya. Pada beberapa ketika dilihat Baginda mengutamakan keamanan dari keadilan seperti dalam perjanjian Hudaibiyah, mendahulukannya dari kemuliaan peribadatan seperti suruhan berhijrah ke Habsyah, Madinah dan penetapan kaum muslim di bawah jagaan Najasyi sehingga tahun ke tujuh Hijrah dan menetapkan hak kesamarataan diantara penduduk Madinah tanpa mengira agama dan bangsa walaupun kaum muslimin itu dilebihkan syarak dari yang bukan Islam. Beberapa cabang ibadah juga digugurkan tuntutan kewajibannya jika berhadapan dengan masalah keamanan seperti kewajipan haji, sembahyang Jumat dan Jamaah, cara pelaksanaan sembahyang dan sebagainya. Kesemua ini menjadi justifikasi bahawa keamanan adalah dari *Ad Dharuriyyat* kehidupan. Ia tergolong di dalam *maqasad Al Kulli Al Ammah* kerana Syarak mengharap dari kesemua perundangannya keamanan dunia dan akhirat, dan setiap manusia tanpa mengira agama dan bangsa ingin dilibatkan di dalam *maqad* yang mulia ini.

## RUJUKAN:

Al Quran Al Karim.

Abd Salam, Izzuddin. 2000. *Qawaidul Al Ahkam fi Islah Al Anam*. Damsyiq: Dar Al Qalam.

Abu Daud, Sulaiman. Tt. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Al Fikr.

Al Amidi, Ali bin Muhammad. 2003. *Al Ihkam fi Usul Al Ahkam*. Saudi: Dae Al Shumaii.

Al Baghawi, Husain bin Masud. 2002. *Tafsir Al Baghawi*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al Balazri, Ahmad bin Yahya. 1996. *Al Jamal min Ansab Al Aysraf*. Beirut: Dar Al Fikr.

Al Bhaidawi, Nasiruddin. 1999. *Minhaj Al Wusul ila Ilmi Al Usul* (Dicetak bersama *Nihayah Al Sul*). Beirut: Dar Ibnu Al Hazm.

- Al Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih Al Bukhari* (dicetak bersama *Al Fathu Al Bari*) Kaherah: Maktabah Al Rayyan lil Al Turath.
- Al Fasi, A'llal. 1993. *Maqasid Al Syariah Al Islamiyyah wa Makarimaha*. Dar Al Gharb Al Islami.
- Al Ghazali, Muhammad. 2000. *Al Mustasfa fi Ilmi Al Usul*. Beirut Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al Halabi, Ali bin Ibrahim. 2008. *Al Sirah Al Halabiyyah*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al Mahasin, Lahrayhs Asa'd. Tt. *Tartib Al Maqasid Al Dharuriyyah bayna Al Mutaqaddimin wal Al Mua'sirin wa Ahammiyatuha lil Al Mufti*. Algeria: Jamiah Al Jalfah.
- Al Masyath, Hasan bin Muhammad. 2006. *Inarah Al Duja fi Maghazi Khairil Wara*. Jeddah: Dar Al Minhaj.
- Al Mubarakafuri, Safiyyu Al Rahman. 1998. *Al Rahiq Al Makhtum*. Beirut: Dar Al Khair.
- Al Mustafa, Hussain Ali. 2014. *Fikh Al Taa'yush fi Al Sirah Al Nabawiyyah*. Lubnan: Markaz Al Islamiyy Al Tsaqafiyy.
- Al Nafii, Karim. Tt. *Al Dharuriyyat Al Khams bayna Al Ziyadah wal Al Hasr, "Idhafah Maqsad Al Adl inda Ibnu Taimiyyah Anmuzajan"*. Markaz Namaa lil Buhuts wal Al Dirasaat.
- Al Nasafi, Abdullah bin Ahmad. 2008. *Tafsir Al Nasafi*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al Nawari, Abdul Wahab Sinan. 2016. *Ma'na Kalimah Al Din*. [http://www.ahl-alquran.com/arabic/show\\_article.php?main\\_id=15221](http://www.ahl-alquran.com/arabic/show_article.php?main_id=15221). Diakses 12 Nov 2019.
- Al Qarafi, Ahmad bin Idris. 1995. *Nafais Al Usul fi Syarh Al Mahsul*. Saudi: Maktabah Nizar Mustafa Al Bazz.
- Al Qatthan, Manna'. Tt. *Tarikh Al Taysri Al Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al Qurthubi, Muhammad bin Ahmad. Tt. *Tafsir Al Qurthubi*. Al Mansurah: Maktabah Al Iman.
- Al Raysuni, Ahmad. 1999. *Al Fikr Al Maqasidi Qawaiduhu wa Fawaiduhu*. Maghribi: Maktabah Zaman
- Al Raysuni, Ahmad. 2010. *Madkhal ila Maqasid Al Syariah*. Kaherah: Dar Al Kalimah.

- Al Razi, Muhammad bin Umar. Tt. *Al Mahsul fi Ilmi Usul Al Fikh*. Beirut: Muassasah Al Risalah.
- Al Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. Tt. *Al Mabsuth*. Beirut: Dar Al Ma'rifah.
- Al Sarjani, Raghīb. 2010. *Al Hikmah min Al Nahyi a'n Al Qital fi Makkah*. <https://islamstory.com>. Diakses 13 Nov 2019.
- Al Sayuthi, Abdul Rahman. Tt. *Al Radd ala man Akhlada ila Al Ardh*. Kaherah: Maktabah Al Tsaqafah Al Diniyyah
- Al Shabuni, Muhammad Ali. 1997. *Shafwatu Al Tafasir*. Kaherah: Dar Al Shabuni.
- Al Syathibi, Ibrahim. 2012. *Al Muwafaqaat*. Beirut: Dar Al Kitab Al Arabi.
- Al Syauckani, Muhammad bin Ali. 1937. *Irsyad Al Fuhul ila Tahqiq Al Haq min Ilmi Al Usul*. Kaherah: Maktabah wa Matbaah Mustafa Al babi Al Halabi.
- Al Termizi, Muhammad bin Isa. 1998. *Sunan Al Termizi* (dicetak bersama *Al Tuhfatu Al Ahwazi*). Beirut: Dar Ihya Al Turath Al Arabi.
- Al Thufi, Sulaiman bin Abdullah. 1987. *Syarah Mukhtasar Al Raudhah*. Beirtu: Muassasah Al Risalah.
- Al Yubi, Muhammad Saad. 1998. *Maqasid Al Syariah Al Islamiyyah*. Saudi: Dar Al Hijrah.
- Al Zahabi, Muhammad bin Ahmad. 2003. *Sair A'lam Al Nubala*. Kaherah: Maktabah Al Shafa.
- Al Zubaidi, Muhammad Murthada. 2012. *Taj Al A'rus min Jawahir Al Qamus*. Beirut: Dar Al Kutub Al Ilmiyyah.
- Al Zuhaili, Wahbah. 2004. *Usul Al Fikh Al Islami*. Beirut: Dar Al Fikr.
- Ibnu Al Atsir, Ali bin Muhammad. Tt. *Asad Al Ghabah fi Ma'rifati Al Sahabah*. Kaherah: Maktabah Al Taufikkiyyah.
- Ibnu Al Qudamah Al Maqdisi, Abdullah bin Ahmad. Tt. *Raudhatu Al Nazhir wa Junnatu Al Munazir*. T.Pencetak.
- Ibnu Asyur, Muhammad Thahir. 2001. *Maqasid Al Syariah Al Islamiyyah*. Jordan: Dar Al Nafais.
- Ibnu Hisyam, Abdul Malik. 1996. *Al Sirah Al Nabawiyah*. Beirut: Dar Al Khair.
- Ibnu Manzur. 1999. *Lisan Al Arab*. Beirtu: Dar Al Ihya Al Turath Al A'rabi.

- Ibrahim, Husam Al Aysawi. 2014. *Maqсад Hifz Al Din: "Ruyah Maqasidiyyah Muasirah"*. Alukah.net.
- Institut Darul Ehsan. 2017. *Kompedium Maqasid Al-Shariah*. Selangor: Attit Press Sdn Bhd.
- Jumaah , Ali. 2013. *Al Namazij Al Arbaah min Hadyu Al Nabi fi Al Taayus maa' Al Akhar Al Asas wal Al Maqasid*. Giza: Dar Al Farooq.
- Jumaah, Ali. Tt. *Man Nabiiyyuka? Huwa saiyiduna Muhammad Al Mustfa*. Kaherah: Dar Al Jawami Al Kalim.
- Jumaah, Ali. Tt. *Tartib Al Maqasid Al Syariah*. T. pencetak.
- Mokhtar, Ahmad Wifaq. 2014. *Maqasid Al Syariah inda Al Imam Al Syafii*. Kaherah: Dar Al Salam.
- Mokhtar, Ahmad Wifaq. 2015. *Asas Ilmu Maqasid Al Syariah dan Perkembangannya*. Seminar: Maqasi Al Syariah Peringkat Kebangsaan 2015.
- Qalul, Ahmad. 2008. *Al Din fil Al Quran*. Majallah Aqlam Online, Bil: 22. <https://vb.tafsir.net/tafsir14615/#.XcoZylczY2x>. Diakses 12 Nov 2019
- Rajab, Abdul Aziz. 2016. *Anwa' Al Maqasid Bi'tibar Ta'lluqiha bi Umum Al Ummah wa Khusus Afradiha*. Alukah.net.
- Rajab, Abdul Aziz. 2016. *Anwa' Al Maqasid Bi'tibar Ta'lluqiha bi Umum Al Taysri' wa Khususihi*. Alukah.net.
- Shanmugam. 2019. *Societies have to 'face squarely' the reality that Islamophobia is rising*. Channel News Asia. 16 Mar.
- Sulaihah, Abu Al Bardaah. Tt. *Al Aba'd Al Maqasidiyyah li Mustawayat Al Amni fi Al Quran Al Kareem*. Algeria: Jamiah Al Amir Abdul Kadir lil Ulum Al Islamiyyah.
- Syahid, Muallimin Muhammad; Mamat, Zulfiqar; Mokhtar, Ahmad Wifaq; Negassi, Muhammad Ibrahim. 2017. *Muzakkirah fi Maqasid Al Syariah*. Negeri Sembilan: MDM Venture Sdn bhd.
- Zaidan, Abdul Karim. 2001. *Al Madkhal li Dirasah Al Syariah Al Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar Umar ibn Al Khattab.
- Zarum, Abdul Hamid Muhammad. 2017. *Hifz Al Amni wa Al Nizam Al Amm min Manzur Maqasid Al Syariah Al Islamiyyah Al Tawun Al Dawli Anmuzajan*. Jurnal: Al Tajdid. Bil: 41.